

Headline	Emkay Group perkenal Mercu Mustapha Kamal, GDV RM385 juta
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak
Date	17 Sep 2015
Section	Supplement
Page No	A12
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily (EM)



# Emkay Group perkenal Mercu Mustapha Kamal, GDV RM385 juta

**PETALING JAYA:** Emkay Group kelmarin memperkenalkan Menara Mustapha Kamal iaitu kompleks pejabat terbaharu bagi portfolio pelaburannya dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM385 juta.

Terletak di Neo Damansara, Damansara Perdana, bangunan Mercu Mustapha Kamal merangkumi dua menara pejabat dengan keseluruhan lantainya berkeluasan 468,267 kaki persegi dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2016.

Ketua Pegawai Operasi, Kewangan, Korporat dan Strategi Emkay Group, Jayasangaran Dhanapal berkata, projek itu menerima permintaan yang menggalakkan

daripada syarikat awam dan multinasional.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan kadar pembelian semasa bagi projek berkenaan.

“Kami yakin menerima kadar pembelian penuh menjelang suku pertama tahun depan kerana lokasinya yang matang,” katanya kepada wartawan selepas taklimat mengenai projek itu di sini, kelmarin.

Mengulas lebih lanjut tentang ruang pejabat di Kuala Lumpur yang mencetuskan keimbangan, Jayasangaran berkata masalah itu tidak berlaku di Damansara Perdana yang sebaliknya menimbulkan kadar pembelian yang

tinggi.

“Kebanyakan menara pejabat korporat di Damansara Perdana sudah mencecah kadar penghunian sebanyak 90 peratus. Kami yakin menerusi strategi dan pemasaran yang berkesan, bangunan keempat ini akan menerima permintaan tinggi,” katanya.

Menurutnya, menara pertama 27 tingkat itu dijangka siap pada Oktober 2016 manakala menara kedua setinggi 14 tingkat pula siap pada Disember tahun ini.

“Pembinaannya bermula pada Oktober 2013 dan kedua-dua menara itu sedia untuk diduduki menjelang akhir Disember tahun depan,” katanya. — Bernama